

SOALAN LAZIM
GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PENERIMAAN HADIAH
BUKAN TUNAI UNTUK KEGUNAAN JABATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah pemberian berupa penggunaan ruang pejabat secara percuma yang diberikan oleh sesebuah syarikat korporat perlu dimohon kelulusan penerimaan hadiah?	<p>Tidak Perlu. Pemberian penggunaan ruang pejabat secara percuma yang berada dalam bangunan milik syarikat/ entiti bukan Kerajaan bukanlah merupakan pemberian yang diberi secara serah milik sepenuhnya kepada Jabatan Kerajaan.</p> <p>Ini berikutan ruang pejabat tersebut akan diserahkan semula kepada pemiliknya selepas tamat tempoh penggunaan yang dipersetujui. Oleh yang demikian, ruang pejabat berkenaan bukanlah hadiah yang boleh didaftarkan sebagai aset Kerajaan dan justeru itu tidak termasuk dalam skop hadiah yang dimaksudkan oleh garis panduan ini.</p>
2.	Bolehkah Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan) yang menanggung kerja Pengarah Kesihatan Negeri meluluskan penerimaan hadiah?	<p>Dibenarkan atas alasan ketiadaan Kuasa Melulus di pejabat dalam tempoh yang munasabah.</p> <p>Walau bagaimanapun, bagi Kuasa Melulus di peringkat Ketua Setiausaha Kementerian, hanya pegawai yang telah menerima arahan untuk menjalankan tugas-tugas Ketua Setiausaha (termasuk kuasa Pegawai Pengawal) sahaja dibenarkan untuk meluluskan penerimaan hadiah mengikut had nilai yang telah ditetapkan.</p>
3.	Sekiranya penyumbang ingin memberikan hadiah sebuah ambulans bernilai RM142,000.00 berserta <i>patient stretcher</i> bernilai RM21,000.00 dalam satu permohonan, siapakah yang boleh meluluskan penerimaan hadiah tersebut?	<p>Penerimaan kedua-dua hadiah tersebut boleh diluluskan secara bersama atau secara berasingan dimana Kuasa Melulus 1 meluluskan hadiah ambulans yang bernilai RM142,000.00 manakala Kuasa Melulus 2 meluluskan penerimaan hadiah bagi <i>patient stretcher</i> yang bernilai RM21,000.00.</p>

SOALAN LAZIM
GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PENERIMAAN HADIAH
BUKAN TUNAI UNTUK KEGUNAAN JABATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

4.	Bolehkah sesebuah hospital meminta agar mana-mana penyumbang untuk memberikan sesuatu peralatan perubatan secara hadiah bagi menampung keperluan peralatan perubatan yang dirasakan tidak mencukupi di hospital berkenaan?	<p>Tidak dibenarkan dan bertentangan dengan syarat meluluskan penerimaan hadiah.</p> <p>Sesuatu hadiah itu hendaklah diberikan oleh penyumbang secara sukarela dan bukan atas permintaan PTJ Pemohon yang hendak mendapatkan kelulusan penerimaan hadiah berkenaan.</p> <p>Jabatan Kerajaan adalah dilarang menjalankan usaha bagi mendapatkan hadiah atau derma dari mana-mana pihak sama ada pertubuhan atau orang perseorangan.</p> <p>Tindakan ini juga bertentangan dengan perkara ketiga Syarat-syarat Meluluskan Penerimaan Hadiah seperti yang dinyatakan pada Lampiran U.P.7.2.5(D) MyPPSM.</p>
5.	Bolehkah penyumbang memberikan dana tunai dan PTJ Pemohon melaksanakan sendiri proses perolehan aset yang hendak disumbangkan?	<p>Tidak dibenarkan selain tidak menepati tatacara perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.</p> <p>Takrifan hadiah bagi tujuan permohonan kelulusan penerimaan hadiah adalah pemberian berbentuk bukan tunai bagi tujuan kegunaan jabatan dan akan didaftarkan sebagai aset atau stok Kerajaan sepertimana syarat yang ditetapkan pada Perkara 1(vii), Lampiran U.P.7.2.5(D), MyPPSM.</p> <p>Prosedur kelulusan yang dinyatakan di dalam garis panduan ini tidak terpakai bagi penerimaan dan kelulusan hadiah berbentuk wang tunai, tambang perjalanan, tambang percuma, diskaun atau komisen, penerimaan keraian oleh Penjawat Awam atau mana-mana hadiah yang diterima oleh Penjawat Awam untuk dirinya sendiri (bukan untuk kegunaan Jabatan).</p>

SOALAN LAZIM
GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PENERIMAAN HADIAH
BUKAN TUNAI UNTUK KEGUNAAN JABATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

6.	Sebuah syarikat swasta telah ditawarkan tender membekal peralatan pejabat kepada IPKKM pada tahun 2021. Bolehkah sebuah Klinik Kesihatan yang terletak di Negeri Kedah menerima hadiah daripada syarikat yang sama pada tahun 2023?	<p>Dibenarkan dengan mendapat kelulusan pengecualian syarat daripada Bahagian Perkhidmatan, JPA terlebih dahulu.</p> <p>Syarikat yang tersenarai sebagai pembekal kepada mana-mana PTJ KKM pada tahun semasa dan dua (2) tahun sebelumnya dianggap sebagai penyumbang yang mempunyai kaitan/kepentingan walaupun permohonan penerimaan hadiah melibatkan PTJ yang lain.</p> <p>PTJ Pemohon perlu menyediakan justifikasi kukuh penerimaan hadiah untuk dikemukakan oleh Urus Setia Penerimaan Hadiah kepada Bahagian Perkhidmatan, JPA bagi mendapatkan pertimbangan pengecualian sebelum permohonan penerimaan hadiah berkenaan diangkat untuk kelulusan Kuasa Melulus.</p>
7.	Bolehkah permohonan kelulusan penerimaan hadiah yang bernilai lebih daripada RM50,000.00 bagi setiap satu (1) unit dikemukakan terus kepada Urus Setia Penerimaan Hadiah 1 tanpa melalui Urus Setia Penerimaan Hadiah 2 terlebih dahulu?	<p>Tidak selari dengan prosedur permohonan yang ditetapkan.</p> <p>Urus Setia Penerimaan Hadiah 1 hanya memproses permohonan kelulusan bagi penerimaan hadiah bernilai RM50,000.00 dan ke atas yang dikemukakan oleh Urus Setia Penerimaan Hadiah 2 selaku penyelaras permohonan daripada semua PTJ di bawah seliaan masing-masing.</p>
8.	Apakah justifikasi yang bersesuaian untuk diberikan semasa memohon pengecualian syarat penyumbang mempunyai kaitan/kepentingan dengan PTJ KKM bagi menerima hadiah berupa stok ubat sampel?	<p>Bagi permohonan hadiah berupa stok ubat sampel, tiada keperluan untuk menyediakan justifikasi berkenaan kerana pihak JPA telahpun memberikan pengecualian secara <i>blanket approval</i> melalui surat ruj: JPA.(S).600-1/3/8 (34) bertarikh 11 Oktober 2023.</p> <p>Walau bagaimanapun, permohonan kelulusan penerimaan hadiah ubat sampel perlu mendapatkan sokongan daripada Ketua PTJ atau JKUT melalui</p>

SOALAN LAZIM
GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PENERIMAAN HADIAH
BUKAN TUNAI UNTUK KEGUNAAN JABATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

		Borang Permohonan Penggunaan Ubat Sampel sepertimana yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan <i>Medicines Access Schemes</i> (MASc).
9.	Adakah PTJ Pemohon boleh menerima hadiah berupa barangan/ peralatan terpakai?	<p>Dibenarkan setelah mendapat kelulusan pengecualian syarat daripada Bahagian Perkhidmatan, JPA terlebih dahulu.</p> <p>PTJ Permohon perlu menyediakan justifikasi kukuh penerimaan hadiah barangan terpakai selepas mendapatkan laporan ulasan teknikal oleh Pegawai Teknikal yang berkepakaran menjelaskan mengenai tahap kebolegunaan peralatan/ barangan serta status bekalan dan akses kepada alat-alat ganti untuk peralatan yang hendak diterima sebagai hadiah.</p> <p>Justifikasi dan ulasan ini perlu dikemukakan sebagai sebahagian daripada dokumen permohonan kepada Urus Setia Penerimaan Hadiah yang berkenaan untuk dirujuk bagi pertimbangan pengecualian syarat oleh JPA.</p>
10.	Terdapat penyumbang yang bercadang memberikan hadiah berupa binaan ruangan menunggu di sebuah Hospital dan sebuah Mesin Pengimejan Resonans Magnetik (MRI) baharu. Apakah syarat yang perlu dilaksanakan oleh PTJ Pemohon yang akan menerima aset-aset tersebut bagi memastikan keperluan ruang dan tanah yang ada di Hospital berkenaan turut diambil kira?	Sebarang penerimaan sumbangan berbentuk Aset Tak Alih (ATA) yang melibatkan penggunaan ruang bangunan/ tanah di bawah kawalan KKM perlu dirujuk terlebih dahulu kepada Unit Tanah, Bahagian Pembangunan, KKM bagi mendapatkan Ulasan Penggunaan Ruang Bangunan/ Tanah dalam Fasiliti Kesihatan untuk ATA (hadiah berupa binaan ruang menunggu) sepertimana yang telah ditetapkan oleh Surat Edaran Bahagian Pembangunan ruj. KKMBPP.UT/200-1/10/1 Jld.23 (50) bertarikh 8 Disember 2020 dan Memo Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan ruj. KKM.300-10/1/3 JLD.1 (7) bertarikh 4 Disember 2020.

SOALAN LAZIM
GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PENERIMAAN HADIAH
BUKAN TUNAI UNTUK KEGUNAAN JABATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

		<p>Ulasan juga perlu diperolehi bagi penerimaan Aset Alih (mesin MRI) kerana aset tersebut memerlukan penggunaan ruang tambahan baharu selain akan dipasang pada bangunan hospital tersebut.</p> <p>Perkara ini adalah bagi memastikan ruang yang digunakan adalah bersesuaian dan tidak menghalang pengoperasian perkhidmatan kesihatan serta perancangan pembangunan masa hadapan.</p>
--	--	--